

KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN
(National Union Of The Teaching Profession)
CAWANGAN JOHOR

Wisma KPPK, No. 1-11, Jalan Indah 2,
Taman Indah, Sungai Abong,
84000 Muar, Johor.

Tel : 06-951 2030
E-mail : kppkjohor@gmail.com
www.kppkjohor.net.my

Ruj. Kami : (37) dlm.KPPK(J)MATT/2023-2026

Tarikh : 1 Januari 2026

PENGUMUMAN


Kepada:
Semua Ahli
KPPK Cawangan Johor
Melalui :
Semua Wakil Sekolah

Saudara/Saudari,

PERATURAN PENCALONAN PEMILIHAN JAWATANKUASA NUTP SESI 2026-2029

1. Notis adalah diberi bahawa Mesyuarat Agung Tritahunan Ke-24 NUTP Cawangan Johor akan diadakan pada **6 Jun 2026 (Sabtu) jam 8.00 pagi di Hotel Classic, Muar, Johor.**
2. Pencalonan untuk berkhidmat dalam Jawatankuasa NUTP Cawangan Johor dan Ibupejabat dibuka dan Pencalonan mesti dibuat dengan menggunakan borang-borang yang dikeluarkan oleh NUTP Cawangan Johor.
3. Borang Pencalonan ini mesti ditandatangani oleh seorang pencadang dan seorang penyokong yang merupakan ahli-ahli berhak dan mesti mengandungi izin berlafaz calon bertanding itu seperti yang dikehendaki menurut peraturan 31(3) KPPK. Majlis Cawangan berhak menolak sebarang borang pencalonan yang pada pendapatnya tidak diisikan dengan sempurna atau dicadang/disokong oleh ahli-ahli yang tidak berfaedah / bukan ahli.
4. Borang-borang pencalonan seperti di atas boleh didapati terus daripada Setiausaha cawangan NUTP Cawangan Johor atas permintaan. Semua borang pencalonan yang disempurnakan mesti sampai ke pejabat NUTP Cawangan Johor sebelum jam 5.00 petang pada 6 Februari 2026 (Jumaat). Borang pencalonan yang diterima lewat daripada tarikh ini tidak akan dilayan. Ahli-ahli dinasihatkan menghantar semua surat mengenai urusan ini dengan pos berdaftar.
5. Usul-usul untuk dibincangkan dalam Mesyuarat Agung Tritahunan juga harus disampaikan kepada Pejabat NUTP Cawangan Johor sebelum 20 Februari, 2026 (Jumaat).

Yang menjalankan tugas,


(TAN YING SHAN)
Setiausaha Cawangan,
Kesatuan Perkhidmatan Perguruan
Kebangsaan, Cawangan Johor.

- s.k. i. Setiausaha Agung NUTP Semenanjung Malaysia
ii. Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Johor
iii. Pengerusi & Semua Ahli Jawatankuasa NUTP Cawangan Johor